



Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
YB Tuan Speaker,
Ahli Dewan Negeri,
Pegawai Daerah,
Setiausaha Pejabat Dewan,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**PINDAAN KEEMPAT JADUAL A - PEKELILING PERBENDAHARAAN
NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2019:
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI DAN
AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk meminda dan memaklumkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Speaker, Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor, dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal mengenai pindaan **keempat** kepada Jadual A, Perincian Pengagihan Peruntukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Speaker Dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2019 (PPNS Bil.1/2019) berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 27 Februari 2019 telah menggariskan penggunaan peruntukan tahunan bagi AMMKN, Speaker, ADN, Pegawai Penyelaras dan ADN Bukan Kerajaan berdasarkan bilangan pengundi berdaftar Negeri Selangor yang sah didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).
- 2.2 Susulan pilihan raya umum ke-15 pada 19 November 2022 dan Pilihan Raya Umum ke-15 bagi DUN Selangor pada 12 Ogos 2023, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah ditadbir secara bersama oleh Komponen Parti Pakatan Harapan dan Barisan Nasional yang dikenali sebagai Kerajaan Perpaduan.

3. PERINCIAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN TAHUNAN

- 3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-6/2024 pada 21 Februari 2024 telah bersetuju dan mempertimbangkan pengagihan baharu peruntukan tahunan bagi AMMKN, Speaker, ADN, Pegawai Penyelaras dan ADN Bukan Kerajaan seperti berikut:

BIL	KATEGORI	KADAR AGIHAN (RM)
1	AMMKN	Tambahan RM300,000.00 dari nilai peruntukan ADN
2	SPEAKER	Peruntukan YB Tuan Speaker Penggal ke-15 adalah sebanyak RM300,000.00 dan disalurkan berdasarkan permohonan dari Pejabat YB Tuan Speaker.
3	ADN	Mengikut kategori bilangan daftar pemilih.
4	ADN BUKAN KERAJAAN	**RM300,000.00
5	PEGAWAI PENYELARAS ADN	Baki peruntukan ADN setelah ditolak dari peruntukan ADN Bukan Kerajaan

****Bagi tahun 2024, sebanyak RM250,000.00 sahaja akan disalurkan mengambil kira peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM50,000.00 pada 13 Disember 2023.**

3.2 Penggunaan Peruntukan sebanyak RM300,000.00 kepada YB Tuan Speaker adalah tertakluk kepada PPNS 1 Tahun 2019: Perenggan 5 , 6.1 (iii) - Sumbangan Kemasyarakatan secara tunai dan 6.1(iv) – Program dan Aktiviti Mesra Rakyat.

3.3 Manakala penggunaan peruntukan bagi ADN Pembangkang adalah **terhad** kepada :

3.3.1 Pengurusan Pejabat - Perenggan 6.1 (i) PPNS 1/2019;

3.3.2 Projek-projek Kecil - Perenggan 6.1 (ii) PPNS 1/2019; dan

3.3.3 Program dan Aktiviti Mesra Rakyat - Perenggan 6.1 (iv) PPNS 1/2019.

3.4 Susulan pemeriksaan amalan, sistem dan prosedur kerja berhubung proses permohonan penggunaan peruntukan perkhidmatan masyarakat Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminta agar satu klausa mengenai **tuntutan palsu di bawah seksyen 18, Akta SPRM** dimasukkan di dalam dokumen-dokumen berkaitan iaitu Lampiran 2 dan 4 (Borang A), (Borang B), (Borang C).

3.5 Pegawai Pengawal hendaklah **menjalankan pemantauan atau pemeriksaan secara berkala** terhadap mana-mana peringkat pelaksanaan program mesra rakyat, sumbangan dan projek-projek kecil terpilih supaya aktiviti berkenaan adalah dijalankan sepertimana tuntutan yang telah dikemukakan selaras dengan saranan SPRM berkaitan amalan, sistem dan prosedur kerja AMMKN/ ADN/ Speaker/ ADN bukan Kerajaan dan Pegawai Penyelaras ADN di Negeri Selangor.

TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada 1 Mac 2024 dan hendaklah dibaca bersama-sama PPNS Bil.1/2019 serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- 4.2 Justeru itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.1/2022 - Pindaan Ketiga Jadual A - Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2019: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor **adalah dibatalkan.**

Sekian, terima kasih.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) D.P.M.S, P.C.M, A.M.P
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 28 Februari 2024

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

JADUAL A – PINDAAN KEEMPAT
PERINCIAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN
AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (AMMKN), SPEAKER DAN
AHLI DEWAN NEGERI (ADN)

KATEGORI	BILANGAN PENGUNDI (ORANG)	DEWAN NEGERI	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
AMMKN	Di bawah 45,000	N.01 – SUNGAI AIR TAWAR	1,050,000.00
		N.04 - SEKINCHAN	
		N.52 – BANTING	1,100,000.00
		N.54 – TANJONG SEPAT	1,050,000.00
	45,000 - 60,000	N.16 – SUNGAI TUA	1,100,000.00
	60,000 ke atas	N.15 – TAMAN TEMPLER	1,150,000.00
		N.21 – PANDAN INDAH	
		N.30 – KINRARA	1,250,000.00
		N.32 – SERI SETIA	1,200,000.00
		N.36 – BANDAR UTAMA	
		N.40 – KOTA ANGGERIK	
TUAN SPEAKER	-	-	300,000.00
AHLI DEWAN NEGERI	Di bawah 45,000	N.06 – KUALA KUBU BAHARU	750,000.00
	45,000 – 60,000	N.34 – BUKIT GASING	800,000.00
		N.35 – KAMPUNG TUNKU	850,000.00
		N. 46 – PELABUHAN KLANG	800,000.00
		N.56 – SUNGAI PELEK	800,000.00
	60,000.00 ke atas	N.14 - RAWANG	900,000.00
		N.19 – BUKIT ANTARABANGSA	850,000.00
		N.20 – LEMBAH JAYA	
		N. 22 – TERATAI	900,000.00
		N.23 – DUSUN TUA	
		N. 25 – KAJANG	950,000.00
		N.27 – BALAKONG	
		N. 28 – SERI KEMBANGAN	850,000.00
		N. 29 – SERI SERDANG	900,000.00
		N.31 – SUBANG JAYA	950,000.00
		N.37 – BUKIT LANJAN	950,000.00
		N. 39 – KOTA DAMANSARA	900,000.00
		N. 41- BATU TIGA	
		N. 42 – MERU	850,000.00
		N. 45 – BANDAR BARU KLANG	900,000.00
		N. 47 – PANDAMARAN	
		N. 48 – SENTOSA	
		N. 50 – KOTA KEMUNING	

KATEGORI	BILANGAN PENGUNDI (ORANG)	DEWAN NEGERI	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
PEGAWAI PENYELARAS	Di bawah 45,000	N. 02 – SABAK	500,000.00
		N. 03 – SUNGAI PANJANG	550,000.00
		N. 05 – HULU BERNAM	500,000.00
		N. 09 - PERMATANG	
		N. 10 – BUKIT MELAWATI	
		N. 11 – IJOK	
		N. 12 - JERAM	
		N. 13 - KUANG	550,000.00
		N. 53 – MORIB	
	45,000 – 60,000	N. 44 – SELAT KELANG	600,000.00
		N. 51 – SIJNGAKANG	
	60,000 ke atas	N.07 – BATANG KALI	650,000.00
		N.17 – GOMBAK SETIA	
		N. 18 – HULU KELANG	
		N. 24 - SEMENYIH	700,000.00
		N. 26 – SUNGAI RAMAL	
		N. 33 – TAMAN MEDAN	600,000.00
		N. 38 – PAYA JARAS	
		N. 43 - SEMENTA	650,000.00
		N. 49 – SUNGAI KANDIS	
AHLI DEWAN NEGERI BUKAN KERAJAAN	Di bawah 45,000	N.02 – SABAK	*300,000.00
		N.03 – SUNGAI PANJANG	
		N.05 – HULU BERNAM	
		N.08 – SUNGAI BURONG	
		N.09 - PERMATANG	
		N.10 – BUKIT MELAWATI	
		N.11 – IJOK	
		N.12 – JERAM	
		N.13 – KUANG	
		N.53 – MORIB	
	45,000 - 60,000	N.44 – SELAT KLANG	*300,000.00

KATEGORI	BILANGAN PENGUNDI (ORANG)	DEWAN NEGERI	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
AHLI DEWAN NEGERI BUKAN KERAJAAN	60,000 ke atas	N.07 – BATANG KALI	*300,000.00
		N.17 – GOMBAK SETIA	
		N.18 – HULU KELANG	
		N.24 – SEMENYIH	
		N.26 – SUNGAI RAMAL	
		N.33 – TAMAN MEDAN	
		N.38 – PAYA JARAS	
		N.43 – SEMENTA	
		N.49 – SUNGAI KANDIS	
		N.51 - SIJANGKANG	
		N.55 - DENGKIL	

****Bagi tahun 2024, sebanyak RM250,000.00 sahaja akan disalurkan mengambil kira peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM50,000.00 pada 13 Disember 2023.***

Nota kaki : Peruntukan tahunan bagi AMMKN adalah berdasarkan pengiraan berikut:

***Peruntukan tahunan ADN + RM300,000.00
(berdasarkan bilangan pengundi)***